



**PELAJAR Orang Asli, dari kiri; Fiona Chandan Kumar Dhar, 12; Peter Juhan, 12, dan Lee Chan Long, 12, bersama keluarga masing-masing sambil menunjukkan slip UPSR 5A di Sekolah Kebangsaan Runchang, Pekan, Pahang, semalam.**  
**- MINGGUAN/MAHATHIR ALI**

MINGGUAN MALAYSIA (LENGA Hujung MINGGU) 29/11/2015 m/s 17

# Empower ECER Mahkota bantu murid Orang Asli perolehi 5A

**PEKAN 28 Nov.** - Program Empower ECER Mahkota membuah hasil membanggakan apabila tiga murid Orang Asli dari Sekolah Kebangsaan (SK) Runchang dekat sini yang menyertai program berkenaan memperoleh keputusan 5A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang diumumkan baru-baru ini.

Mereka merupakan antara 1,217 calon UPSR yang dipilih menyertai program dikendalikan secara bersama antara Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

Pengurus Projek Empower ECER Mahkota, **Zainal Bahari** berkata, pihaknya melaksanakan program khas bagi SK Runchang iaitu 'Super Camp' yang mana murid-murid dikumpulkan dan diberi latihan intensif selama tiga bulan sebelum menduduki peperiksaan tersebut.

"Mereka juga diberi bantuan seperti peralatan alat tulis, modul

latihan, guru pakar, motivasi dan lawatan bagi meningkatkan tahap penguasaan terhadap mata pelajaran.

"Tahun lalu hanya seorang murid sekolah ini mendapat 5A namun tahun ini menunjukkan peningkatan, ini merupakan satu rekod kepada sekolah," katanya di sini semalam.

Sementara itu, Pengurus Besar Jabatan Pembangunan Modal Insan ECERDC, **Zulkifli Yaacob** berkata, kejayaan tersebut membuktikan bahawa setiap murid mempunyai potensi dan peluang untuk berjaya sekiranya diberi bantuan serta sokongan yang betul.

"ECERDC sentiasa membantu anak-anak Orang Asli dalam meningkatkan pendidikan mereka lebih-lebih lagi SK Runchang yang terletak di dalam kawasan projek Agropolitan Pekan," katanya.

Dalam pada itu, seorang murid yang mendapat 5A, **Peter Juhan**, 12, berkata, dia berterima kasih kepada ECERDC dan UMP kerana me-

laksanakan program berkenaan di sekolahnya.

"Program 'Super Camp' ini membantu saya mendapat keputusan cemerlang dalam UPSR dan berjaya mendapat tempat di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM Muadzam Shah," katanya yang bercita-cita menjadi seorang guru.

Rakannya, **Fiona Chandan Kumar Dhar**, 12, turut mengucapkan terimakasih kepada ECERDC dan UMP kerana menyediakan kelas tambahan dan program motivasi untuk murid.

"Keluarga saya tidak mampu untuk menghantar mengikuti kelas tambahan di luar. Dengan adanya program seperti ini telah meringankan beban mereka," katanya.

Menurut **Lee Chan Long**, 12, pul program tersebut berjaya menyuntik semangatnya untuk mencapai kejayaan menerusi pendidikan.

"Saya percaya anak Orang Asli mempunyai peluang yang sama rata untuk mencapai kejayaan jika diberikan motivasi seperti menerusi program ini," katanya.